

TK/TM/TU/TH4086

IMPLEMENTASI (D5)

Fasa ini memberi tumpuan pada pembangunan perisian/sistem/teknologi mengikut keperluan dan reka bentuk yang dicadangkan dalam usulan projek (T_4172). Fasa implementasi menerangkan secara terperinci bagaimana perisian/sistem/teknologi dibangunkan mengikut Spesifikasi Keperluan (D2) dan Spesifikasi Reka Bentuk (D3) sehingga ke peringkat pengekodan. Fasa ini adalah untuk merealisasikan konsep dan idea yang dibangunkan dalam T_4172. Dalam fasa ini juga pelajar dapat mengenal pasti sebarang ralat atau masalah timbul dan cara menanganinya.

Di dalam dokumen (D5) tidak perlu menerangkan semua kod. Pilih dan huraikan hanya sebahagian kod, seperti kod yang:

- penting terutama yang kritikal bagi operasi perisian/sistem/teknologi,
- menarik minat tertentu kepada pembaca,
- menggambarkan cara yang unik atau inovatif untuk melaksanakan algoritma, struktur data, dan sebagainya.

Kod sumber yang lengkap hendaklah disediakan dalam dokumen akhir (D7).

KANDUNGAN DOKUMEN

1. PENGENALAN

Berikan gambaran keseluruhan dokumen:

- Terangkan tujuan dokumen ini.
- Terangkan skop dokumen ini.
- Kaitkan dengan dokumen lain:
 - ✓ Dokumen yang menyediakan latar belakang dan/atau konteks untuk dokumen ini (cth. Pelan/Cadangan Projek, Keperluan dan Spesifikasi Reka Bentuk).
 - ✓ Dokumen yang terhasil daripada dokumen ini (cth. Antara Muka Pengguna, Kod, Pelan Ujian, Manual Pengguna).
- Tentukan sebarang istilah, akronim atau singkatan penting.

2. PROSES PEMBANGUNAN

- Terangkan secara ringkas proses pembangunan sistem menggunakan teknologi yang dipilih.
- Ekstrak dan terangkan segmen kod kritikal.
- Sertakan semua modul, komponen, perpustakaan, pangkalan data yang penting.
- Sertakan antara muka pengguna (*front end* dan *back end*) perisian/sistem/teknologi.
- Kod penuh, modul, komponen, perpustakaan, pangkalan data boleh dimasukkan ke dalam lampiran (pilihan).

Nota:

Hasil yang diperlukan bergantung pada penyelesaian yang dicadangkan dan bidang masing-masing. Rujuk Ketua Program untuk penerangan lanjut. Kandungan dokumen ini adalah sebahagian daripada Bab 4 (Pembangunan dan Pengujian Sistem).

3. KESIMPULAN

- Nyatakan sebarang masalah luar jangka yang anda hadapi dan sejauh mana anda mengatasinya. Sebagai contoh:
 - kesukaran yang melibatkan perisian sedia ada, contoh:;
 - kerumitannya,
 - kekurangan dokumentasi;
 - kekurangan perisian sokongan yang sesuai,
 - matlamat projek yang terlalu bercita-cita tinggi.
- Merumuskan secara ringkas kandungan implementasi.

RUJUKAN

- Senaraikan sumber maklumat yang menyokong proses implementasi (iaitu github, dokumentasi/blog dalam talian, kertas teknikal, artikel persidangan/jurnal, buku dan lain-lain).
- Gunakan format rujukan Gaya UKM.

SERAHAN:

- Hantar salinan keras dan/atau lembut kepada penyelia.
- Muat naik salinan lembut ke SPID.